

Headline	Kawasan perumahan turut ambil inisiatif bendung COVID-19		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	09 May 2020	Color	Black/white
Section	General News	Circulation	11,223
Page No	10	Readership	33,669
Language	Malay	ArticleSize	163 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 331
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 993



Kawasan perumahan turut ambil inisiatif bendung COVID-19

KUALA LUMPUR: Bukan sahaja di pasar raya, pusat beli-belah dan premis makanan, malah kawasan perumahan turut sama menyahut seruan kerajaan, agar mengamalkan langkah pencegahan COVID-19 seperti yang digariskan Kementerian Kesihatan (KKM).

Beberapa kawasan perumahan di sekitar ibu negara telah mengambil inisiatif pencegahan COVID-19 dan melakukan kawalan sendiri, kerana menyedari bahaya 'musuh tidak kelihatan' yang tidak mengenal umur, jantina dan kelas sosial masing-masing, lebih-lebih lagi belum ada vaksin untuk mencegah virus pembunuh itu.

Pengurus bangunan sebuah kondominium di Sentul Sharifah Zawiyah Khusairi berkata, pihaknya mengambil keputusan untuk tidak membenarkan pelawat luar memasuki bangunan perumahan itu, sebagai langkah mencegah penularan wabak COVID-19.

Bagi tujuan perkhidmatan penyerahan makanan, pengawal keselamatan yang bertugas pula, akan meminta pelanggan mereka untuk mengambil makanan di pondok pengawal sahaja.

"Cecair pembasmi kuman turut disediakan di pondok

pengawal dan setiap pintu masuk lif, kerana kita ingin mengelak daripada sebarang risiko jangkitan COVID-19, selain turut meletakkan notis pemberitahuan langkah berjaga-jaga kepada penduduk kediaman itu.

"Selain itu, kami juga menutup segala kemudahan termasuklah kolam renang, gimnasium dan taman permainan di sini, sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan 18 Mac lepas," katanya kepada Bernama semalam.

Dalam pada itu, Pengerusi Persatuan Penduduk Kampung Melayu Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong, Datuk Md Nor Hashim berkata, pihaknya turut tidak membenarkan orang luar untuk melakukan aktiviti senaman di kampung mereka.

"Kawasan kita memang menjadi tumpuan orang ramai jogging, tetapi sepanjang PKPB (Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat) ini, saya tidak nampak lagi ada orang mula berjoging di sekitar kampung ini," katanya.

Penduduk sebuah residensi di Wangsa Maju, Mohd Amir Rahim, 27, berkata, kawasan perumahannya turut tidak terkecuali daripada menghadkan segala aktiviti keluar

masuk di situ, termasuklah aktiviti yang melibatkan kumpulan.

Mohd Amir mengakui prosedur yang dilakukan pihak pengurusan itu agak merumitkan, tetapi dalam masa sama ia merupakan tindakan yang tepat bagi mencegah COVID-19, merebak di kawasan sekitarnya.

"Selama saya hidup sepanjang 27 tahun, tidak pernah kena imbas setiap hari di lobi masuk dan tempat letak kereta rumah, jika suhu melebihi 38 darjah Celsius, nama dan nombor unit rumah akan direkodkan dan dinasihatkan untuk segera mendapatkan rawatan," jelasnya.

Pada 6 April lepas, media melaporkan KKM sedang mempertimbangkan syor memperkasa persatuan penduduk untuk melindungi masyarakat setempat mereka daripada risiko jangkitan COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia sama dengan model rumah panjang di Sarawak, yang mana pemimpin masyarakat berjaya memainkan peranan membendung penularan wabak dengan menghalang individu berisiko tinggi, daripada memasuki kawasan berkenaan. — Bernama